



People's Association

道义居民联系网

TOH YI RESIDENTS' NETWORK

c/o 4 Toh Yi Drive #01-217 Singapore 590004 Tel: 6468 3502



Residents' Network

25 Mac 2021

Para Penduduk Estet Toh Yi yang Dikasihi,

PROGRAM PENINGKATAN RUMAH (HIP) UNTUK PENDUDUK TOH YI

Dalam surat saya yang bertarikh 7 September 2020, saya telah memaklumkan bahawa estet Toh Yi (Blok 1 - 19) telah dipilih untuk Program Peningkatan Rumah (HIP). HIP bertujuan untuk memperbaiki keadaan rumah yang telah berusia/usang, menyelesaikan masalah penyelenggaraan yang sering berlaku dan meningkatkan keselamatan warga emas yang tinggal di rumah dengan memasang peralatan yang sesuai untuk mereka. Senarai Peningkatan Wajib dan Peningkatan Pilihan adalah seperti yang ditunjukkan di bawah.

| Peningkatan Wajib <i>(Dibiayai sepenuhnya oleh pemerintah untuk isi rumah warganegara Singapura)</i> | Peningkatan Pilihan <i>(sekurang-kurangnya 87.5% dibiayai oleh pemerintah untuk isi rumah warganegara Singapura)</i> |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> ✓ Perbaikan konkrit terkelupas atau struktur retak ✓ Menggantikan soket paip dengan rak jemuran pakaian yang baru. ✓ Perbaikan/penggantian paip sisa kotoran UPVC yang bocor atau retak | <ul style="list-style-type: none"> ✓ Meningkatkan tandas sedia ada* ✓ Pintu bukan gred tahan api yang baharu** ✓ Pintu pagar dan jeriji baharu ✓ Corong membuang sampah baharu |

* Penduduk boleh memilih untuk tidak melakukan peningkatan ini jika bilik mandi/tandas mereka lulus ujian air untuk memastikan tiada kebocoran yang menjejaskan flat di bawah

** Tidak berkenaan untuk unit dengan pintu tahan api

2 Program Peningkatan bagi Warga Emas Aktif (EASE) yang membuatkan rumah HDB lebih sesuai untuk didiami warga emas juga akan ditawarkan sebagai sebahagian daripada HIP. Subsidiya amat tinggi untuk isi rumah warganegara Singapura dan program ini juga tersedia ada untuk semua isi rumah.

3 Kami telah membentuk Jawatankuasa Kerja HIP (WC) yang terdiri daripada sukarelawan dan penduduk dari estet anda. Jawatankuasa ini akan membantu dalam usaha penyelarasan dengan HDB dan pasukan projek kontraktor untuk melaksanakan HIP di estet. Berikut merupakan garis masa yang telah diaturkan oleh WC yang mungkin anda perlukan untuk tujuan perancangan.

| Garis masa (belum muktamad) pelaksanaan HIP estet Toh Yi | |
|---|---------|
| Tinjauan penduduk dan pengumpulan maklum balas mengenai HIP | 2Q 2021 |
| (i) Pameran unit contoh (mock-up) (ii) Undian HIP* | 3Q 2021 |
| Kerja-kerja HIP bermula di tapak | 1Q 2022 |

*Penduduk diminta untuk mengundi menyokong HIP untuk blok mereka. Kerja-kerja hanya akan dimulakan dengan sekurang-kurangnya 75% isi rumah blok memilih "Ya" untuk HIP

4 WC HIP bekerjasama rapat dengan pihak HDB dalam projek ini. Maklumat lebih lanjut akan tersedia tidak lama lagi.

5 Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan HDB, sila hubungi Talian Perkhidmatan Cawangan HDB di 1800-2255432 atau kunjungi <https://hdb.gov.sg/efeedback>.

6 Saya percaya dan berharap agar HIP dapat membawa tenaga baru kepada kawasan kejiranan kita di Toh Yi di samping menyediakan lebih banyak kemudahan dalam kehidupan seharian kita. Oleh kerana pemilik flat akan memperoleh manfaat daripada peningkatan wajib walaupun item-item peningkatan pilihan mungkin tidak diperlukan, kami meminta sokongan anda untuk program ini dalam undian yang akan diadakan. Terima kasih atas sokongan, pemahaman dan kesabaran anda.

Yang benar



Cik Sim Ann

Penasihat Pertubuhan Akar Umbi Bukit Timah